



Oleh **Noor Mohamad Shakil Hameed**

AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

Elak privasi jadi komoditi bernilai

Laporan demi laporan yang didedahkan pihak media membabitkan kegiatan sindiket menawarkan temu duga kemasukan ke universiti untuk lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sama ada oleh individu mahupun syarikat cukup merisaukan dan membulatkan banyak persoalan.

Misalnya baru-baru ini pihak polis mendedahkan kegiatan sebuah syarikat yang dilaporkan memperoleh lebih 200,000 data pelajar yang dipercayai dibeli daripada pihak tertentu yang menjadi dalam penjualan data peribadi pelajar pada harga antara RM1,000 dan RM10,000.

Pihak polis juga mendedahkan bahawa data itu dibeli menerusi e-mel pada harga 50 sen setiap seorang pelajar. Dan untuk rekod ini bukanlah kali pertama kes seumpama ini dilaporkan. Boleh dikatakan hampir setiap tahun pelajar menjadi mangsa penipuan sindiket seperti ini yang cuba meraih keuntungan dengan mengambil kesempatan ke atas pelajar yang mengimpikan peluang untuk ke menara gading.

Persoalan utama dalam isu ini jalah bagaimana data peribadi pelajar boleh dijual dengan sebeginu mudah sekali? Siapa datang di sebalik penjualan data peribadi ini? Pihak berkuasa wajar menyiasat perkara ini sehingga ke akar umbi agar kejadian ini tidak berulang lagi di samping dapat menumpaskan sindiket haram seperti ini.

Hal ini penting kerana data peribadi boleh disalah guna dan dimanipulasi pihak tidak bertanggungjawab untuk pelbagai tujuan tidak baik sehingga boleh memudaratkan empunya diri.

Kita juga tidak mahu pelajar dan ibu bapa terus menjadi mangsa penipuan sindiket seperti ini. Misalnya dalam kes terbaru ini maklumat peribadi yang dibeli dilaporkan digunakan untuk menipu pelajar berkenaan dengan keronnya mereka ditawarkan tempat di universiti jika lulus proses temu duga yang bakal diadakan.

Pihak terbabit juga dikatakan mengenakan caj sebanyak RM500 sebagai wang pemprosesan temu duga kendalian syarikat itu sedangkan ia satu bentuk penipuan yang jelas dan nyata kerana institusi pengajian tinggi terbabit tidak pernah mengenakan sebarang caj untuk

urusan temu duga pelajar.

Lebih memerlukatkan apabila ada pihak yang begitu berani menggunakan logo agensi kerajaan untuk tujuan penipuan terbabit. Menggunakan kepala surat yang menggunakan logo Kementerian Pendidikan di samping logo institusi pengajian tinggi seperti Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) perlu diberi perhatian khusus oleh semua pihak.

Kegiatan seperti ini tidak boleh dibiarkan terus berleluasa kerana ia membabitkan imej dan kredibiliti agensi kerajaan berkenaan di mata khalayak. Kita tidak mahu imej agensi seperti ini tercemar angka sindiket haram seperti itu.

Dalam hal ini, kita wajar memuji tindakan segera polis yang berjaya menumpaskan sindiket ini, terutama apabila berjaya menangkap lapan individu, termasuk lima wanita dan tiga lelaki yang disyaki terbabit dalam sindiket penipuan tawaran kemasukan berkenaan.

Cegah salah guna data

Semoga inisiatif pihak polis ini mampu mengekang sindiket seumpama ini, terutama menjelang proses kemasukan ke universiti awam tidak lama lagi. Kita berharap penguatkuasaan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) yang dikuatkuasakan mulai 15 November lalu yang dipperkenalkan khusus untuk mencegah penyalahgunaan data peribadi orang awam untuk tujuan komersial mampu mengekang kes seperti ini secara menyeluruh.

Di bawah PDPA adalah menjadi satu kesalahan bagi pengguna data mendedahkan data peribadi kepada pihak ketiga tanpa persetujuan pemilik data. Pihak Jabatan Perlindungan Data Peribadi Malaysia (JPDPM) menyenaraikan 11 sektor sebagai klasifikasi Golongan Pengguna Data merangkumi sektor komunikasi, perbankan dan institusi kewangan, insurans, kesihatan, pelancongan serta hospitaliti, penangkutan, pendidikan, jualan langsung, perkhidmatan, harta-nah dan utiliti.

Antara penalti yang digariskan

di bawah akta ini ialah, hukuman denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun bagi kesalahan memproses data peribadi tanpa perakuan pendaftaran atau selepas pendaftaran dibatalkan, serta denda tidak lebih RM200,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan tidak mematuhi notis penguatkuasaan atau kehendak Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi.

Menariknya Malaysia negara pertama di ASEAN yang menguatkuasakan akta seumpama ini. Kelebihan akta ini ialah ia mengiktiraf privasi maklumat sebagai satu daripada hak asasi manusia dan melindungi data berharga dan berpotensi menjadi komoditi yang bernilai.

Di samping itu, pemilik data juga perlu diberitahu melalui notis bertulis jika data peribadi mereka sedang diproses sama ada data itu diberikan secara wajib atau sukarela.

Realitinya isu penyalahgunaan data peribadi serta pembocoran maklumat data peribadi pengguna tanpa kebenaran di negara kita boleh dikatakan agak merisaukan dan dikhuatiri bakal memudaratkan andai tidak dikekang dari sekarang.

Hal ini berdasarkan aduan direkodkan oleh pihak Cyber Security yang dikatakan menerima antara 800 hingga 1,000 aduan berhubung maklumat peribadi individu yang disalurkan kepada pihak yang tidak sepatutnya. Ini satu statistik yang cukup merisaukan. Justeru, kita berharap agar pihak berkuasa dapat menguatkuasakan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) sepenuhnya secara menyeluruh dan tegas demi melindungi hak privasi dan peribadi pengguna.

Heret bawa semua dalam ke muka pengadilan agar menjadi pengajaran kepada semua. Kita juga berharap agar pengguna juga lebih sedar dan sensitif dengan data peribadi masing-masing supaya berhati-hati dan tidak mudah memberikan maklumat peribadi kepada mana-mana pihak yang tidak berkaitan.

FAKTA
Caj RM500
sebagai wang
pemprosesan
temu duga
sedangkan ia satu
penipuan